

**SULIT**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SESI II : 2023/2024**

**DPB30073: BUSINESS LAW**

**TARIKH : 06 JUN 2024**

**MASA : 8.30 PAGI - 10.30 PAGI (2 JAM)**

Kertas ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Buku Akta

Contracts Act 1950, Partnership Act 1961 & Sale of Goods Act 1957

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answer **ALL** questions.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan struktur. Jawab SEMUA soalan.*

CLO1

**QUESTION 1****SOALAN 1**

- (a) (i) Malaysia's legal sources of law can be classified into written law and unwritten law. Give **FOUR (4)** examples of written law.
- Sumber undang-undang Malaysia boleh dikelaskan kepada undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis. Berikan EMPAT (4) contoh undang-undang bertulis.*

[4 marks]

[4 markah]

CLO1

- (ii) The hierarchy of courts in Malaysia can be categorized into two, which are the superior courts and the subordinate courts.
- Explain **TWO (2)** subordinate courts in Malaysia with its' jurisdictions.
- Hirarki mahkamah di Malaysia boleh dikategori kepada dua, iaitu mahkamah atasan dan mahkamah bawahan.*
- Terangkan DUA (2) mahkamah bawahan beserta bidang kuasa mahkamah tersebut.*

[6 marks]

[6 markah]

|      |         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                         |
|------|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| CLO2 | (b) (i) | Discuss <b>TWO (2)</b> differences between partnership and company.<br><i>Bincangkan DUA (2) perbezaan di antara perkongsian dan syarikat.</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | [6 marks]<br>[6 markah] |
| CLO2 | (ii)    | Partnership business is one of the common modes of business operation in Malaysia. The interests of partners in the partnership property, their rights and duties in relation to the partnership business are protected by the law.<br>By referring to the Partnership Act 1961, write clearly <b>THREE (3)</b> duties of partners.<br><i>Perkongsian merupakan salah satu mod operasi perniagaan yang biasa dijalankan di Malaysia. Kepentingan rakan kongsi dalam harta perkongsian, hak dan tugas mereka berhubung dengan perniagaan perkongsian dilindungi oleh undang-undang.</i><br><i>Dengan merujuk kepada Akta Perkongsian 1961, tulis mana-mana TIGA (3) tugas rakan kongsi.</i> | [9 marks]<br>[9 markah] |

## QUESTION 2

## SOALAN 2

CLO2

- (a) According to Section 2(h) of the Contract Act 1950, contract is an agreement enforceable by law.

Explain **FIVE (5)** basic elements of a contract.

*Menurut Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950, sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak.*

*Terangkan **LIMA (5)** elemen asas kontrak.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO2

- (b) Pak Karim offered to sell his paddy fields of 1.5 acres to Puan Rahimah for RM250,000.00. In reply, Puan Rahimah made a counter proposal to purchase the land at RM200,000.00. When Pak Karim refused to accept her offered, Puan Rahimah agreed with the original price offered by Pak Karim and urged Pak Karim to prepare the sale and purchase agreement immediately. Pak Karim said that he is no longer interested to sell the land to Puan Rahimah.

Based on above scenario, you are required to:

*Pak Karim hendak menjual sawah padi berkeluasan 1.5 ekar kepada Puan Rahimah dengan harga RM250,000.00. Puan Rahimah membuat cadangan balas untuk membeli tanah tersebut pada harga RM200,000.00. Apabila Pak Karim enggan menerima tawarannya, Puan Rahimah bersetuju dengan harga asal yang ditawarkan oleh Pak Karim dan menggesa Pak Karim supaya menyediakan perjanjian jual beli dengan kadar segera. Pak Karim menyatakan yang dia sudah tidak berminat untuk menjual tanah tersebut kepada Puan Rahimah.*

*Berdasarkan senario di atas, anda dikehendaki untuk:*

- (i) Ascertain an issue that arise in the situation.  
*Pastikan satu isu terhadap situasi tersebut.*  
[2 marks]  
[2 markah]
- (ii) Write clearly a relevant section under the Contract Act 1950.  
*Tuliskan peruntukan yang bersesuaian mengikut Akta Kontrak 1950.*  
[3 marks]  
[3 markah]
- (iii) Apply **ONE (1)** relevant case to support your answer.  
*Tuliskan SATU (1) kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*  
[6 marks]  
[6 markah]
- (iv) Write your conclusion of the above issue.  
*Tuliskan kesimpulan anda terhadap isu di atas.*  
[4 marks]  
[4 markah]

**QUESTION 3****SOALAN 3**

CLO2

- (a) An agency is a legal relationship exist as between a principal and an agent.  
Based on above statement, describe who is a principal and an agent.  
Support your answer with relevant provision.  
*Agensi adalah satu perhubungan undang-undang di antara seorang prinsipal dan seorang agen.*  
*Berdasarkan kepada kenyataan di atas, terangkan siapakah prinsipal dan agen. Sokong jawapan anda dengan peruntukan undang-undang yang bersesuaian.*

[4 marks]

[4 markah]

CLO2

- (b) The relationship as between a principal and an agent may arise through various ways. Discuss **THREE (3)** ways to create an agency.  
*Perhubungan di antara seorang prinsipal dan seorang agen wujud dengan pelbagai cara.*  
*Bincangkan TIGA (3) cara agensi boleh diwujudkan.*

[6 marks]

[6 markah]

CLO2

- (c) Soo Jang employs Maria, a property agent to sell his house for RM300,000. Maria subsequently finds a buyer and sold Soo Jang's house for RM350,000. Maria informed Soo Jang that she sold the house for RM300,000. After two weeks, Soo Jang found out about the extra profit gained by Maria. Soo Jang felt that he had been cheated by Maria.

*Soo Jang telah melantik Maria, seorang agen hartanah untuk menjual rumahnya pada harga RM300,000.00. Maria telah menjumpai seorang pembeli dan menjual rumah tersebut pada harga RM350,000.00. Maria memberitahu Soo Jang yang dia berjaya menjual rumah tersebut pada harga RM300,000.00. Dua minggu kemudian, Soo Jang mengetahui tentang keuntungan tambahan yang diterima oleh Maria. Soo Jang merasakan dia telah ditipu oleh Maria.*

Based on above scenario, you are required to:

*Berdasarkan kepada situasi di atas, anda dikehendaki untuk:*

- (i) Ascertain an issue that arise in the situation.

*Tentukan satu isu terhadap situasi tersebut.*

[2 marks]

[2 markah]

- (ii) Write a relevant section under the Contract Act 1950.

*Tuliskan peruntukan yang bersesuaian mengikut Akta Kontrak 1950.*

[3 marks]

[3 markah]

- (iii) Apply **ONE (1)** relevant case to support your answer.

*Tuliskan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]

[6 markah]

- (iv) Write your conclusion of the above issue.

*Tuliskan kesimpulan anda terhadap isu di atas.*

[4 marks]

[4 markah]

**QUESTION 4****SOALAN 4**

- |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| CLO2 | <p>(a) List <b>FOUR (4)</b> classification of goods in the context of Sale of Goods Act 1957.</p> <p><i>Senaraikan <b>EMPAT (4)</b> jenis barang dalam konteks Akta Jualan Barangan 1957.</i></p> <p style="text-align: right;">[4 marks]<br/>[4 markah]</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| CLO2 | <p>(b) Sale of Goods Act 1957 provides various rules of implied conditions and warranties related to sale of goods contract as between seller and buyer. Explain any <b>THREE (3)</b> implied conditions related to sale of goods contract.</p> <p><i>Akta Jualan Barangan 1957 telah memperuntukkan pelbagai peruntukan syarat tersirat berkenaan jualan barangan di antara penjual dan pembeli.</i></p> <p><i>Terangkan <b>TIGA (3)</b> syarat tersirat berkenaan kontrak jualan barangan.</i></p> <p style="text-align: right;">[6 marks]<br/>[6 markah]</p> |
| CLO2 | <p>(c) Ka Wan bought a car, Honda City from Zainal and has been using it for several months. Ka Wan later discovered that Zainal did not have the legal rights to the car. The car still belongs to Aidil. Ka Wan had to return the car to Aidil and claim the money that has been paid to Zainal. Zainal refused to hand over the money to Ka Wan.</p>                                                                                                                                                                                                         |

*Ka Wan membeli sebuah kereta, Honda City daripada Zainal dan telah menggunakannya selama beberapa bulan. Ka Wan kemudiannya mendapati Zainal tidak mempunyai hak mengikut undang-undang ke atas kereta tersebut. Kereta itu masih kepunyaan Aidil. Ka Wan terpaksa memulangkan kereta itu kepada Aidil dan menuntut wang yang telah dibayar kepada Zainal. Zainal enggan menyerahkan wang itu kepada Ka Wan.*

Based on the situation given, you are required to:

*Berdasarkan kepada situasi yang diberikan, anda dikehendaki untuk:*

- (i) Ascertain an issue that arise in the situation.

*Tentukan satu isu terhadap situasi tersebut.*

[2 marks]

[2 markah]

- (ii) Write a relevant provision under the Sale of Goods Act 1957.

*Tuliskan peruntukan yang bersesuaian mengikut Akta Jualan Barangan 1957.*

[3 marks]

[3 markah]

- (iii) Apply **ONE (1)** relevant case to support your answer.

*Tuliskan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]

[6 markah]

- (iv) Write your conclusion of the above issue.

*Tuliskan kesimpulan anda terhadap isu di atas.*

[4 marks]

[4 markah]

### SOALAN TAMAT